

Dr Fazley Mengadakan Kunjungan Hormat kepada Naib Canselor
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 05 Oktober 2010 15:14

Kepada: UUM - All Staff, UUM All Student

5 OKTOBER 2010 / 26 SYAWAL 1431H


=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Dr Fazley Mengadakan Kunjungan Hormat kepada Naib Canselor

Oleh: Nor Adila Ab Kadir

Gambar: Shamsaimi Ezil



Dr Fazley Yaacob membuat kunjungan hormat kepada Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr. Mohamed Mustafa Ishak, di sini.

UUM ONLINE: Penceramah motivasi, penulis buku dan pengacara Rancangan Suara Siswa, Dr Fazley Yaacob membuat kunjungan hormat kepada Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr. Mohamed Mustafa Ishak, di sini.

Beliau dalam rangka menyampaikan ceramah motivasi kepada pelajar UUM sempat meluangkan masa selama 20 minit untuk bersama Naib Canselor di pejabatnya, tengah hari tadi.

Sebelum itu, Dr Fazley menyampaikan ceramah motivasi kepada lebih 1,000 pelajar UUM di Dewan Muadzam Shah (DMS), yang dianjurkan oleh Kelab Kewangan dan Perbankan (FABS), College of Business (UUM COB).

Ceramah yang bertemakan Cinta dan Dot Dot Dot mengupas mengenai personaliti, kerjaya dan cinta dalam kalangan pelajar supaya mereka tidak terpesong daripada matlamat untuk mencapai kecemerlangan dan kejayaan dalam kehidupan sebagai seorang mahasiswa.

Dalam ceramah itu juga, Dr Fazley menyanyikan dua lagu popularnya sebelum menamatkan ceramah selama dua jam yang bermula daripada jam 11 pagi hingga 1 tengah hari.

habis

DARIPADA :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283014 / 3066 / 4078
FAX : 04-9283016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my